



09 JUN, 2024

34 kenderaan tak kembali ke Pulau Bebas Cukai disita

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2



Aspalila (dua dari kiri) melihat dokumen dan sebahagian kenderaan yang disita JKDM Labuan.

34 kenderaan tak kembali ke Pulau Bebas Cukai disita

Beberapa siri operasi dilaksana untuk memburu pemilik langgar syarat

Oleh Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita 34 kenderaan pelbagai jenama kerana tidak kembali ke Pulau Bebas Cukai (PBC) selepas tamat tempoh 90 hari menerusi Ops Radu 2024.

Pengarah JKDM Labuan,

Aspalila AG Tuah, berkata pasukan operasi melaksanakan beberapa siri operasi bertujuan untuk memburu pemilik kenderaan yang melanggar syarat di bawah butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.

Ops Radu memberangsangkan
Katanya, pelaksanaan Ops Radu itu menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan sepanjang operasi itu dilaksanakan sebanyak 34 kes direkodkan.

“Sepanjang operasi berkenaan 34 kes dicatatkan membatalkan sitaan sebanyak 34 kenderaan pelbagai jenama dengan nilai rampasan RM3,085,030.78.

“Kenderaan yang disita itu membabitkan pemilik kende-

raan yang melanggar syarat Butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017,” katanya pada sidang media, semalam.

Aspalila berkata, berdasarkan butiran 14 itu, kenderaan yang dibeli ke PBC Langkawi dan Labuan dibenarkan masuk ke Kawasan Utama Kastam (KUK) tidak lebih 90 hari dalam setahun.

“Modus operandi yang dilaksanakan iaitu kenderaan ini dibawa masuk ke KUK dengan menggunakan kemudahan di bawah butiran 14 tetapi tidak kembali ke PBC selepas tamat tempoh.

“Semua kenderaan pelbagai jenama disita bagi siasatan lanjut,” katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



09 JUN, 2024

34 kenderaan tak kembali ke Pulau Bebas Cukai disita

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Beberapa siri operasi dilaksana untuk memburu pemilik langgar syarat

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita 34 kenderaan pelbagai jenama kerana tidak kembali ke Pulau Bebas Cukai (PBC) selepas tamat tempoh 90 hari menerusi Ops Radu 2024. Pengarah JKDM Labuan,

Aspalila AG Tuah, berkata pasukan operasi melaksanakan beberapa siri operasi bertujuan untuk memburu pemilik kenderaan yang melanggar syarat di bawah butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.